



Headline	Kepakaran tarik pelabur luar		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 Apr 2012	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	192,982
Page No	E2	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	344 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,602
Frequency	Daily	PR Value	RM 46,407



# Kepakaran tarik pelabur luar

## Malaysia, Kazakhstan meterai empat perjanjian teknologi, kejuruteraan

Oleh Shahrizan Salian

shahrizan@bharian.com.my

**K**EPAKARAN Malaysia dalam beberapa bidang perniagaan berdaya maju terus menjadi perhatian negara luar; apabila empat lagi memorandum persefahaman (MoU) dan memorandum perjanjian (MoA) dimeterai antara syarikat tempatan dengan agensi dari Kazakhstan sempena kunjungan Presidennya, Nursultan Nazarbayev ke negara ini.

MoU dan MoA yang dimeterai semalam, membabitkan pertukaran kepakaran dalam bidang teknologi dan kejuruteraan.

Penyedia perkhidmatan kerajaan elektronik negara, MYEG Services Bhd (MYEG), memeterai MoU bersama Agensi Negara Pembangunan Teknologi (NATD) Kazakhstan untuk menjalin kerjasama dalam bidang saintifik, inovatif dan kegiatan akademik di negara Asia Tengah itu serta di peringkat antarabangsa.

MoU itu juga akan memperkenalkan perkhidmatan kerajaan elektronik kepada Kazakhstan.

Di bawah persefahaman itu, kedua-dua syarikat akan meninjau beberapa cara untuk melaksanakan projek inovatif bersama, membina-yainya secara bersama dan melancarkan proses pelaksanaannya.

Pengerusi Eksekutif MYEG, Datuk Dr Norraesah Mohamad, berkata selama beberapa tahun syarikat itu sudah membangunkan be-

berapa perkhidmatan yang unik serta meraih rekod kukuh dalam menyediakan penyelesaian kerajaan elektronik yang boleh digunakan di pasaran lain.

“Kerjasama ini akan terus mengukuhkan wawasan itu dan membolehkan MYEG mempelbagaikan lagi asas pendapatan jangka panjang menerusi pasaran antarabangsa,” katanya pada majlis memeterai MoU itu di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau memeterai perjanjian itu bagi pihak MYEG manakala NATD diwakili Pengerusi Lembaga Pengarahnya, Aidyn Kulsetov.

Ia disaksikan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Sementara itu, pengeluar dan pembekal lif serta eskalator terbesar tempatan, MS Elevators Sdn Bhd memeterai MoA bersama Samruk-Kazyna Real Estate Fund (SK) dan Karagandalift LLP (KGP) untuk menubuhkan sebuah syarikat usaha sama bagi mengeluar, membekal, memasang, menguji, melaksana dan menyelenggara lif serta eskalator di negara Asia Tengah itu.

Kerjasama strategik itu secara langsung akan meletakkan visi global MS Elevators serta meluaskan lagi pasarannya ke seluruh rantau negara bekas Kesatuan Soviet (CIS) dan Russia.

Pengerusi Eksekutif MS Elevators, Datuk Poh Kim Seng, berkata selain mendapatkan nilai komersial, kerjasama itu menerusi beberapa peringkat pelaksanaannya akan menyaksikan pemindahan menyeluruh teknologi pembuatan lif dan eskalator tempatan ke Kazakhstan.

“Industri pula akan mewujudkan beberapa kesan sampingan ke dalam sektor mekanikal serta elektrik yang berkaitan.

“Semua ini menyumbang pembangunan positif kemahiran serta sumber tenaga kerja. Menjelang tempoh kemuncaknya, kami menjangka mewujudkan sehingga 5,000 peluang pekerjaan,” katanya.

Kim Seng memeterai MoA itu bagi pihak MS Elevators manakala SK diwakili Ahli Lembaga Pengawasannya, Asset Abdygapparov dan KGL diwakili Pengarah Komersialnya, Renat Tahtayev.

Pada majlis sama, MIMOS Bhd memeterai dua persefahaman iaitu MoU bersama The Kazakh Research Institute of Information Technologies (KITRI), menubuhkan sebuah pusat kecemerlangan perkomputeran awan di Kazakhstan serta MoU bersama National Agency for Technological Development untuk membentuk kerjasama inovasi, pembangunan teknologi serta penyelidikan saintifik di negara Asia Tengah itu.



Headline	Kepakaran tarik pelabur luar		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 Apr 2012	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	192,982
Page No	E2	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	344 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,602
Frequency	Daily	PR Value	RM 46,407

© MUNIRA ABDUL GHANI | BERITA HARIAN

**EE**

*Kerjasama ini membolehkan MYEG mempelbagaikan lagi asas pendapatan jangka panjang menerusi pasaran antarabangsa* **99**

**Norraesah Mohamad**  
Pengerusi Eksekutif MYEG